

7,597 graduan UPM terima ijazah, diploma



Kampus

→ → →

KUALA LUMPUR: Seramai 7,597 graduan termasuk 33 graduan sulung program Ijazah Sarjana Muda Sains Dietetik dan dua graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi Kayu hari ini menerima ijazah dan diploma masing-masing pada Majlis Konvokesyen ke-33 Universiti Putra Malaysia (UPM).

Seramai 5,984 pelajar menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dan 417 daripada jumlah itu menamatkan pengajian dalam Ijazah Kelas Pertama, 3,968, kelas kedua, 1,396 kelas kedua bawah dan kelas ketiga 34 orang.

Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU), Nurul Atikah Salim, 22, yang cacat kaki antara yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan.

Dia yang menggunakan alat sokongan kaki tidak menjadikan kekurangan dirinya untuk berputus asa walaupun berdepan pelbagai kesukaran ketika berjalan dari asrama ke kampus sepanjang tempoh pengajiannya.

"Saya bersyukur kerana



BANGGA...Nurul Atikah (tengah) bersama ibu bapanya, Salim Saparman Azizah Aziz serta dua adiknya.

berjaya menamatkan pengajian walaupun fizikal saya yang serba kekurangan dan saya bertuah kerana rakan turut membantu memudahkan perjalanan saya ke kampus," katanya.

Nurul Atikah yang bercita-cita menjadi ahli perniagaan kini menyambung pengajian di peringkat sarjana di bidang pentadbiran perniagaan.

Bagi Nor Afzan Ramli, 24, walaupun serba kekurangan kerana ayahnya hanya berpendapatan kecil dan terpaksa menyara enam adik beradik, dia berjaya menamatkan pengajianya dengan kepujian kelas kedua atas dalam

bidang Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu.

"Saya bangga dengan kejayaan ini kerana walaupun bapa hanya seorang pengawal keselamatan dan berpendapatan kecil manakala ibu suri rumah, namun berkat doa mereka saya berjaya dan berharap mampu mengubah nasib keluarga," ujarnya.

Bagi graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Perhutanan, Nik Mohd Saiful Wan Mohd Sidik, 22, pemergian kedua-dua ibu bapa ke rahmatullah beberapa tahun lalu menjadi pendorong kepadaannya untuk belajar bersungguh-sungguh bagi membela nasib lima adik beradik lain. - Bernama